

## Video 'Origami' harumkan nama USIM

**Georgetown:** Penghasilan video pendek berjudul 'Origami' berjaya membuahkan kemenangan kepada sekumpulan pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada pertandingan Anugerah Visual Kreatif Ketiga di Universiti Sains Malaysia (USM), baru-baru ini.

Video mengisahkan pelajar sekolah yang menghidap disleksia itu mengungguli kategori Anugerah Media Kreatif, sekali gus membolehkan mereka membawa pulang hadiah berupa baucar buku bernilai RM500, piala dan sijil penghargaan.

Kumpulan pelajar dengan nama Light Motion Production dibarisi oleh Zainal Hakim Zakaria, Aiman Nasaruddin, Ahmad Hafiz Mislacuddin, Fairus Abdul Manaf, Maisarah Mohammad, Mohammad Nor Amin Jamaluddin, Jasmi M Zain dan Muhammad Safuan Fadzil.

Aiman selaku penyunting video berkata, mereka tidak menyangka meraih kemenangan itu berikutan menghadapi sai-



Barisan pemenang pertandingan Anugerah Visual Kreatif Ketiga di USM.

ngan hebat daripada penyer-taan lain.

### Senarai pendek

"Light Motion Production menghantar tiga video untuk menyertai pertandingan ini dan dua daripadanya berjaya disenarai pendek, iaitu Origami dan Dua Lebih Baik yang menonjolkan kisah seorang lelaki melakukan

pengorbanan," katanya.

Beliau berkata, cabaran itu yang terbuka kepada pelajar universiti di dalam dan luar negara menyaksikan sebanyak 12 video disenarai pendek oleh panel juri untuk merebut beberapa kategori anugerah dipertandingan.

Antaranya Anugerah Idea Kreatif, Sinematografi Terbaik,

Kesan Visual Terbaik, Suntingan Terbaik, Hadiah Juri, Dokumentari Terbaik dan Drama Terbaik.

Selain Origami, video lain yang dipertandingkan termasuklah 50 Lorek Mawar Merah, Halus, Human Nature, Leleh, Nota, Potong, Shortcut, The Clock Tower Conspiracy dan Traditional Wooden Shoes.

**Kumpulan Light Motion Production ceria selepas menerima Anugerah Media Kreatif.**